



ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/about>



ANALISIS PENDEKATAN KEUTUHAN HUBUNGAN AWAM-TENTERA (SCMR) MELALUI DASAR PERTAHANAN MENYELURUH (HANRUH) DALAM MENJAMIN KEAMANAN DI MALAYSIA

ANALYSIS OF THE STRONG CIVIL-MILITARY RELATIONS (SCMR) APPROACH THROUGH TOTAL DEFENCE POLICY (HANRUH) TO ENSURE PEACE IN MALAYSIA

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam^a, Mohamad Zaidi Abdul Rahman^{b*}

^{a,b*} Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: mzaidi@um.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received
25-05-2022
Received in revised
13-06-2022
Accepted
27-06-2022
Available online
30-06-2022

Keywords:

Dasar Pertahanan
Negara, Hubungan
Awam-Tentera, Kertas
Putih Pertahanan,
Penglibatan Rakyat,
Pertahanan Menyeluruh
(HANRUH).

e-ISSN: 2773-529X
Type: Article

ABSTRACT

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai keutuhan hubungan awam-tentera (strong civil-military relationship SCMR) pada tahap yang memberangsangkan. Segala polisi dan dasar berkaitan pertahanan negara melalui SCMR dilihat amat mesra dengan komposisi masyarakat berbilang kaum yang wujud di Malaysia. Maka, kewujudan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) merupakan salah satu manifestasi gerak kerja SCMR untuk menggalakkan rakyat Malaysia bersama-sama berganding bahu mempertahankan kedaulatan negara. Namun, konsep HANRUH tersebut kurang mendapat perhatian dalam kalangan rakyat disebabkan lemah daripada sudut hebahan dan promosi yang menimbulkan persoalan sejauh manakah SCMR di Malaysia dianggap utuh tanpa melibatkan rakyat dalam perlaksanaannya? Objektif kajian adalah untuk membincangkan konsep SCMR dan HANRUH secara umum dan pendekatan SCMR dalam menggalakkan penglibatan rakyat terhadap HANRUH. Data kajian diperolehi menerusi kaedah kepustakaan yang melibatkan penganalisaan sumber-sumber seperti buku, jurnal, majalah ilmiah, tesis, laman sesawang dan temu bual responden. Kajian ini mendapati bahawa SCMR merupakan faktor penting di dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara di samping juga dapat memberi implikasi bersifat galakan terhadap penglibatan rakyat di dalam sistem pertahanan negara khususnya melalui pelaksanaan konsep HANRUH.

Malaysia has a solid civil-military relationship (SCMR) with an encouraging level of cooperation. All national defence plans and policies implemented through SCMR appear to be quite accommodating to the multi-racial society that exists in Malaysia. The concept of Total Defence (HANRUH) is one of SCMR's efforts to encourage Malaysians to work together to defend the country's sovereignty. However, due to a lack of awareness and promotion, the concept of HANRUH has garnered less attention among the public, raising the question of how intact the SCMR is in Malaysia without integrating the citizens in its implementation. The study's objective is to explain the general ideas of SCMR and HANRUH and the SCMR strategy to foster citizens' participation in HANRUH. Research data is obtained from the library method that involves the analysis of sources such as books, journals, scientific magazines, theses, websites and interview of respondents. This study

indicates that SCMR is essential in maintaining the country's peace and stability and has positive implications for citizens' participation in the national defence system, notably through the implementation of HANRUH.

© Mohamad Zaidi Abdul Rahman 2022. All rights reserved.

DOI: <https://doi.org/10.58247/jdmssh-2022-0501-07>

Pendahuluan

Pepatah Latin ada menyebut “*Si Vis Pacem Para Bellum*” yang bermaksud “barangsiapa yang inginkan keamanan, maka bersiap sedia untuk berperang”. (Aaron X. Fellmeth et al., 2009). Melihat kepada situasi zaman moden pada masa kini, pepatah tersebut sangat relevan untuk digunapakai oleh semua negara memandangkan pelbagai ancaman boleh berlaku bila-bila masa tanpa disedari yang boleh mengakibatkan kemusnahan secara total jika tiada pengawalan dan langkah berjaga-jaga. Hal yang demikian telah terjadi terhadap negara-negara yang bergolak misalnya seperti di Iraq, Afghanistan, Syria, Yaman dan terbaharu di Ukraine. Sejarah juga telah membuktikan kejayaan dan keupayaan generasi terdahulu dalam menghadapi situasi peperangan melawan musuh demi mempertahankan kedaulatan tanah air. Ini boleh dilihat daripada dua dimensi sejarah yang berbeza iaitu sejarah Islam yang melalui pelbagai rentetan peperangan daripada zaman Rasulullah SAW sehingga ke generasi berikutnya; dan juga sejarah tamadun barat yang sarat dengan siri peperangan melalui catatan sejarah seperti revolusi Perancis, perang dunia pertama dan perang dunia kedua. (Douglas Porch, 2006).

Kejayaan tersebut tidak dapat dibuktikan jika faktor-faktor penting seperti pengukuhan hubungan awam-tentera (*strong civil-military relationship*) (SCMR) dan persediaan menghadapi peperangan tidak dianggap penting untuk dilaksanakan. Penyesuaian elemen-elemen ketenteraan terhadap dasar dan polisi pertahanan negara perlu selari dengan keadaan dan situasi sesebuah negara yang melibatkan keselamatan rakyat awam, kepelbagaian agama dan budaya, landskap politik, kepentingan geo-strategik, ekonomi dan lain-lain. Perkara tersebut telah lama ditekankan oleh pakar strategi dan taktik peperangan iaitu Sun Tzu (1963) seperti berikut:

Just as water adapts itself to the conformation of the ground, so in war, one must be flexible, he must often his tactics to the enemy situation.

Kenyataan di atas bermaksud amatlah penting untuk sentiasa mengambil langkah persediaan dan kewaspadaan memandangkan keadaan semasa yang tidak menentu yang berlaku pada zaman moden masa kini. Ditambah lagi dengan pelbagai ancaman yang wujud yang bersifat tradisonal dan bukan tradisional sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada semua negara di dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia. Sebagai sebuah negara yang telah merdeka selama enam puluh tiga tahun, pelbagai cabaran dan rintangan telah dihadapi oleh generasi terdahulu khususnya dan generasi sekarang secara umum dalam memastikan negara yang berdaulat ini terus maju ke hadapan sebaris dengan negara-negara maju yang lain. Jika dilihat daripada sudut pensejarahan, Malaysia melalui banyak pengalaman dalam tempoh yang sukar dan tidak lari daripada sebarang ancaman samada dari dalam atau luar negara sejak sebelum merdeka sehingga ke hari ini. Pelbagai ancaman telah dihadapi di dalam negara ini seperti pemberontakan komunis, rusuhan kaum, ketidakstabilan politik dan ekonomi dan lain-lain. (Faisol Keling et al., 2016). Ditambah lagi dengan ancaman dari luar negara seperti kerakusan kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Rusia dan terbaharu China dalam mengawal sentimen dan agenda politik global. (K.S Nathan, 2008).

Justeru, ancaman-ancaman yang dinyatakan di atas telah mengukuhkan hubungan awam-tentera (SCMR) di Malaysia untuk membentuk Dasar Pertahanan Negara (DPN) bagi memperkukuhkan aspek pertahanan negara Malaysia serta menjamin keselamatannya. (Abdul Rahman Adam, 1997). Menurut catatan sejarah, cadangan penubuhan DPN bermula pada tahun 1962 yang dikenali sebagai ‘*Dynamo Plan*’ bertujuan untuk memperluaskan skop tugas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membantu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menjaga keselamatan negara. (Rodziah Md Zin et al., 2019). Beberapa peristiwa besar berlaku seperti kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963, Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia tahun 1965, di tambah lagi dengan peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia pada tahun yang sama telah mempengaruhi proses penambahbaikan DPN sejak daripada penubuhannya iaitu sehingga pada hari ini.

Tidak terkecuali dalam hal ini, pelbagai cabaran dan ancaman turut dilalui dalam tempoh yang panjang sepanjang penubuhannya sehingga tahun 2016 seperti yang dicatat oleh Simpson (2013) di dalam penulisan beliau. Untuk situasi terkini, kerajaan Malaysia telah membentangkan usul Kertas Putih Pertahanan (KPP) sebagai wadah baharu bagi DPN bagi tempoh tahun 2020 sehingga 2030. Di dalam kedua-dua dasar samada DPN mahupun KPP, tetap menegaskan kepentingan salah satu prinsip pertahanan yang dikenali sebagai Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang merupakan manifestasi pelaksanaan kepada prinsip utama pertahanan negara iaitu Prinsip Pertahanan Berdikari (*Self-Reliance*) (Kementerian Pertahanan, 2010). Lantaran itu, ruang dan peluang hasil perencanaan dasar melalui SCMR tersebut memerlukan respon, sokongan dan komitmen daripada rakyat dan pelbagai sektor dalam negara demi memastikan kedaulatan, keutuhan wilayah dan kekuatan ekonomi dijamin terpelihara.

Teori Keutuhan Hubungan Awam-Tentera (SCMR)

Persoalan mengapa teori SCMR ini perlu dibahas serta diberi penekanan di dalam kajian ini adalah kerana ianya bersangkut paut dengan tujuan dasar dan polisi pertahanan itu dirangka dan diterjemahkan melalui kaedah pentadbiran politik yang baik (*good governance*) yang wujud antara ahli politik dan angkatan tentera. Di samping itu, perangkaan dasar dan polisi pertahanan negara serta pelaksanaannya telah membuktikan bahawa istilah 'pertahanan negara milik bersama' – semangat yang wujud di dalam HANRUH – merupakan hal yang bukan retorik semata-mata tetapi untuk kebaikan negara dan kesejahteraan semua rakyat seperti yang ditegaskan oleh Nasibah Harun (2002) di dalam penulisannya. Menurut Croissant et al. (2012) di dalam mendefinisikan maksud CMR, beliau menjelaskan seperti berikut:

Civil-military relations is the distribution of decision-making process which civilians have exclusive authority to decide on national policy particularly defence policy as well as their implementation.

Apa yang boleh difahami daripada definisi di atas adalah orang awam (penjawat awam) mempunyai kuasa eksklusif dalam membuat sebarang keputusan berkaitan dasar dan polisi berkaitan pertahanan negara. Dalam erti kata lain, pihak tentera turut serta dalam pembuatan polisi tetapi tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam membuat sebarang keputusan. Timbul persoalan, mengapakah perkara ini boleh terjadi? Bukankah hal ehwal berkaitan pertahanan serta selok belok tentang ancaman yang bakal menggugat keselamatan negara sememangnya merupakan bidang kepakaran golongan angkatan tentera? Hal yang demikian perlulah diperhalusi perbincangan mengenainya kerana ianya bersangkut paut dengan ideologi dan sistem politik yang digunapakai oleh sesebuah negara. Negara yang mengamalkan demokrasi misalnya mempunyai CMR yang sangat kukuh dan hal ini berbeza dengan negara yang mengamalkan sistem 'teokrasi' atau 'totalitarian' yang di mana tentera mempunyai kuasa mutlak terhadap dasar dan polisi pertahanan negara.

Perbincangan mengenai CMR ini merupakan istilah bagi negara-bangsa moden khususnya demokrasi yang memisahkan kedua-dua entiti (awam dan tentera) kepada penugasan dan peranan tertentu berdasarkan kepada kepakaran masing-masing. Menurut Sun Tzu (1963) dan Von Clausewitz (1976), kedua-duanya pakar strategi peperangan menegaskan bahawa sejak dahulu lagi tentera dikenali sebagai organisasi yang 'patuh kepada negara' (*servants of the state*) yang bermatlamat untuk 'menyelamatkan negara' (*survival of the state*) dengan melafazkan sumpah dan taat setia tidak berbelah bahagi (*loyalty and subservient*) kepada negara dalam apa jua keadaan yang bakal berlaku. Manakala kebijaksanaan awam dalam mengemudi kerajaan pula turut dianggap penting demi kestabilan sosio-politik sebuah negara. Maka, pemahaman mengenai konsep SCMR boleh difahami melalui penghujahan beberapa teori terpilih iaitu teori Huntington dan teori Schiff seperti berikut:

Teori Huntington

Samuel P. Huntington (1985) turut tidak terkecuali dalam membahaskan perihal SCMR di mana hujah beliau berkisar kepada dua aspek penting yang akan menentukan keberkesanan SCMR di dalam sesebuah negara iaitu *subjective civilian control* dan *objective civilian control*. Ianya dapat disimpulkan daripada hujahan beliau seperti berikut:

Objective civilian control is thus directly opposed to the subjective civilian control. Subjective civilian control achieves its end by civilianising the military, making them the mirror of the state. Objective civilian control achieves its end by militarising the military, making them the tool of the state.

Aspek yang pertama (*subjective*) memberi penekanan terhadap meluaskan kuasa awam terhadap ketenteraan (*maximizing civilian power*) dan mengecilkan skop bidang kuasa tentera (*minimizing military power*). Kuasa ketenteraan yang dikawal oleh awam ini dipandu oleh samada melalui organisasi kerajaan seperti kuasa parlimen beraja seperti yang berlaku di England; atau melalui tingkatan kelas masyarakat seperti ideologi aristokrat dan komunis; dan yang terakhir dikawal oleh perlembagaan persekutuan seperti biasa yang berlaku di dalam negara demokrasi. Manakala aspek kedua (*objective*) iaitu kuasa awam digunakan bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme ketenteraan serta menjadikan institusi ketenteraan sebagai sebuah institusi yang bersifat bebas politik dan taat setia kepada kerajaan yang memerintah.

Dalam erti kata lain, ketinggian tahap profesionalisme dalam kalangan pegawai tentera ditagih demi kelangsungan kuasa pemerintah awam dalam mengawal kestabilan politik dan hal ehwal keselamatan negara. (Huntington, 1985). Kedua-dua aspek yang diperjelaskan mempunyai perbezaan yang sangat ketara dalam apa yang digambarkan oleh Huntington (1985) sebagai pilihan atau tindakan bagi sesebuah negara di dalam mengaplikasi SCMR samada menjadi istilah 'mengawamkan tentera' atau 'mengtenterakan ketenteraan'.

Teori Schiff

Salah seorang sarjana politik iaitu Schiff (2009) berpendapat bahawa SCMR ini diibaratkan seperti 'drama' yang tiada berkesudahan antara dua aktor utama iaitu pembuat polisi daripada kalangan awam dan juga pihak tentera walaupun berada pada tahap 'klimaks' pengakhiran kisah yang di mana perkara tersebut turut memberi kesan terhadap institusi-institusi di dalam negara termasuklah rakyat sebagai warganegara. Permasalahan yang timbul di sini ialah kebanyakan sarjana politik tidak mampu untuk mengangkat peranan individu sebagai 'warganegara' yang mempunyai keunikan budaya tersendiri di atas sumbangan mereka terhadap SCMR yang menghasilkan keputusan samada mengikut jangkaan atau luar daripada jangkaan. Persoalan mengenai tahap interaksi antara pihak tentera dengan rakyat merupakan aspek paling utama di dalam perbincangan teori *concordance*.

Interaksi yang berlaku antara kedua-dua elemen (tentera dan rakyat) merupakan penanda aras tahap persetujuan antara mereka yang bergantung kepada petunjuk keadaan, budaya dan nilai kemasyarakatan yang berlaku di dalam sebuah negara, tentang bagaimana rakyat boleh memainkan peranan tertentu kepada pihak tentera serta bagaimanakah pihak tentera boleh melakukan timbal balik dengan memberikan impak yang berguna kepada rakyat. (Schiff, 2009). Hal yang demikian boleh dilihat daripada contoh yang berlaku terhadap kerajaan Thailand dan Myanmar di mana hubungan tentera dan rakyat berada pada tahap yang tidak memberansangkan sehingga berlakunya rampasan kuasa tentera terhadap kerajaan yang diundi oleh rakyat. Sebaliknya pula berlaku kepada negara Malaysia yang di mana tidak pernah mengalami rampasan kuasa pihak tentera walaupun pernah mengalami krisis dan konflik perkauman pada suatu ketika dahulu.

Atas faktor-faktor permasalahan tersebut, Schiff (2009) telah mencipta satu teori baharu yang tidak terdapat pada teori-teori CMR sebelumnya yang hanya membataskan pada dua aktor yang dinyatakan sebelum ini. Beliau menekankan tiga elemen (aktor) penting yang sepatutnya terdapat di dalam SCMR iaitu tentera (*the military*), golongan elit politik (*the political elites*) dan warganegara (*the citizenry*) yang di mana tujuan utamanya adalah untuk mengelakkan berlakunya campur tangan ketenteraan dalam hal-hal domestik di dalam sesebuah negara. Teori ini melihat bahawa rakyat sebagai warganegara memainkan peranan penting selain daripada tentera dan ahli politik dalam mewujudkan kerjasama bersepadu untuk mengukuhkan integrasi SCMR serta berkongsi nilai institusi dan budaya pada tahap yang tertinggi. Penambahan elemen 'warganegara' atau rakyat dikira relevan sebagai salah satu idea penambahbaikan daripada teori SCMR (Huntington) yang memisahkan institusi awam dan tentera dan hanya mengharapkan institusi politik (golongan elit politik) sebagai komponen utama analisis perbincangan SCMR. Sebaliknya, rakyat sebagai rakan kerjasama mempunyai kuasa tertentu untuk mempengaruhi sebarang keputusan yang dibuat oleh institusi politik dan ketenteraan di dalam SCMR.

Maka, teori-teori SCMR yang berseputar di dalam literatur politik-ketenteraan tetap akan sentiasa muncul untuk mengkritik serta menyelesaikan permasalahan berdasarkan peredaran zaman yang berlaku mengikut situasi politik setempat. Tidak dinafikan bahawa teori Huntington telah dikritik oleh Janowitz (1960) dalam permasalahan perbezaan budaya awam-tentera dan tetap berlaku sehingga sekarang serta pada masa akan datang. Malah Schiff (2009) juga dengan teori *concordance* beliau secara kritis menghujahkan bahawa SCMR adalah sebahagian daripada proses pembinaan negara-bangsa di dalam

sesebuah negara. Segala dasar dan polisi yang diterapkan khususnya terhadap sistem pertahanan negara akan sentiasa berterusan sehingga mencapai tahap kesempurnaan dan ianya memerlukan hubungan dan kerjasama yang baik antara ahli politik, tentera dan rakyat untuk mengukuhkannya seperti mana yang berlaku di negara Jepun selepas Perang Dunia Ke-2 serta di Iraq selepas peristiwa 9/11.

Implikasi Keutuhan SCMR di Malaysia

Jika dilihat daripada sudut konteks hubungan tentera-awam yang berlaku di negara Malaysia, ianya berada pada tahap yang terbaik yang menyaksikan negara tidak pernah mengalami sebarang proses rampasan kuasa untuk menggulingkan kerajaan sedia ada. Malah hubungan yang baik antara awam dan tentera telah membuktikan kejayaan menghapuskan pengganas komunis melalui peperangan melawan insurgensi seperti yang tercatat di dalam lipatan sejarah negara sebelum dan selepas merdeka. (Ahmad Azan et al., 2014). Rahsia kejayaan CMR di Malaysia adalah terletak kepada beberapa faktor seperti skop peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pihak awam dan tentera. Kedua-dua pihak memahami skop tugas masing-masing yang bersifat eksklusif tanpa gangguan daripada mana-mana pihak serta dipantau oleh akta-akta yang telah ditetapkan di dalam perlembagaan persekutuan. Ianya boleh difahami seperti berikut:

1. Perkara 10 (penjawat awam) Artikel 132 perlembagaan persekutuan menunjukkan bahawa angkatan tentera merupakan sebahagian daripada penjawat awam selain daripada badan kehakiman, polis dan lain-lain.
2. Perkara 10 Artikel 137 (Majlis Angkatan Tentera) menetapkan bahawa segala hal ehwal berkaitan ATM adalah di bawah tanggungjawab Majlis Angkatan Tentera (MAT).

Fakta menarik yang boleh dilihat di sini bahawa tunjang kekuatan SCMR di Malaysia adalah terletak di dalam MAT itu sendiri. Hal ini kerana ahli-ahli MAT adalah terdiri daripada kalangan pegawai tentera dan penjawat awam. Lebih menarik lagi pengerusi MAT bukan daripada kalangan pegawai tentera tetapi penjawat awam iaitu Menteri Pertahanan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pertahanan dan keselamatan negara. (Azman Ayob, 2009). Faktor lain rahsia keutuhan hubungan SCMR adalah kerana dinaungi oleh 'payung negara' iaitu kuasa Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai ketua negara. Sejarah telah membuktikan pada tahun 1969 apabila Malaysia mengalami darurat akibat krisis perkauman, menyaksikan tiada berlakunya rampasan kuasa atau *coup d'etat* oleh pihak tentera terhadap kerajaan sebaliknya MAGERAN telah ditubuhkan untuk menyelesaikan kemelut yang berlaku selama dua tahun. Apa yang menarik di sini ialah ATM tetap memberikan kerjasama kepada kerajaan di bawah pimpinan Al-Marhum Tun Abdul Razak Hussein sebagai Perdana Menteri pada waktu itu sehingga keadaan kembali aman seperti biasa. Apakah sebab berlakunya perkara tersebut adalah di mana YDPA memainkan peranan penting untuk memberi sokongan kepada kerajaan untuk menyelesaikan kemelut tersebut tanpa mengarahkan ATM untuk melakukan rampasan kuasa.

Apapun perbezaan ketara yang wujud di antara pihak awam dan tentera, ianya tetap tidak akan memusnahkan semangat kebersamaan dan kebergantungan antara satu sama lain di dalam menguruskan pertahanan dan keselamatan negara. Seperti yang ditegaskan oleh Welch (1976), hujah tersebut dikira tepat kerana orang awam tidak akan mampu untuk menghadapi ancaman musuh secara luaran dan dalaman tanpa bantuan dan sokongan daripada pihak tentera. Perkara sama juga turut akan berlaku jika pihak awam tidak mengawal tentera, maka kemungkinan besar pihak tentera boleh memberi ancaman dengan melakukan penggulingan atau rampasan terhadap kerajaan sedia ada. Rampasan kuasa pihak tentera terhadap kerajaan atau istilah lain disebut sebagai kudeta (*coup d'etat*) merupakan salah satu keburukan jika CMR tidak kukuh dan ini akan memberikan kesan darurat berpanjangan serta memberi implikasi buruk terhadap kestabilan politik, ekonomi dan sosial seperti yang pernah berlaku di Thailand pada tahun 2006 dan juga di Myanmar di bawah pemerintah rejim Junta. (Croissant et al., 2012). Dalam hal ini, Janowitz (2010) berpendapat bahawa penggulingan terhadap kerajaan boleh dielakkan jika nilai-nilai murni yang wujud di dalam 'struktur kemasyarakatan' diterapkan di dalam SCMR di samping mengekalkan nilai-nilai ketenteraan untuk mewujudkan persekitaran mesra antara kedua-duanya. Beliau menegaskan lagi bahawa penerapan nilai-nilai kemasyarakatan tersebut adalah perkara asas bagi hidup bermasyarakat di dalam negara di mana ianya dipengaruhi oleh tindakan orang awam.

Menurut hemat penulis, hujah tersebut dikira sangat tepat kerana pekerjaan seorang tentera mempunyai tempoh dan had tertentu dan apabila sampai waktunya setelah bersara, kehidupan mereka akan berubah sepenuhnya daripada sistem regimental tentera kepada sistem masyarakat awam biasa. Proses peralihan tersebut memakan masa yang agak lama untuk disesuaikan bagi kehidupan seorang tentera dan ianya akan mempengaruhi corak kehidupan dan kelakuan mereka terhadap masyarakat. Pada

waktu inilah merupakan waktu yang terbaik bagi kedua-dua pihak memainkan peranan masing-masing untuk berkerjasama dan saling bergantung di atas satu sama lain di dalam menguruskan kehidupan bermasyarakat.

Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)

Tanggungjawab yang dipikul bersama di dalam SCMR merupakan elemen penting kepada pembentukan konsep HANRUH di dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) pada bulan Mei tahun 1986. Jika disoroti sejarah pembentukan HANRUH, terlalu banyak liku-liku cabaran dan dugaan yang ditempuh kerajaan Malaysia selepas kemerdekaan di antaranya ancaman pihak komunis dan peristiwa berdarah perkauman pada 13 Mei 1969. Almarhum Tun Abdul Razak Hussein sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-2 pada ketika itu berpendapat penting untuk merangka strategi pertahanan serta melaksanakannya demi maruah kedaulatan dan sistem pertahanan negara Malaysia. Hal yang demikian menyebabkan strategi pertahanan yang dikenali sebagai strategi Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) telah ditubuhkan selepas tahun 1970. (Chandran Jeshurun, 1980). Ianya bertujuan untuk membangunkan sistem pertahanan negara ke tahap yang lebih bagus dengan meluaskan peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pembelian kelengkapan ketenteraan, membangunkan kem-kem tentera dan sebagainya. Di samping itu, KESBAN juga bermatlamat untuk membangunkan taraf hidup sosial masyarakat dengan mengukuhkan ekonomi serta membangunkan aspek keselamatan yang memerlukan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan masyarakat. (Clutterbuck, 1990).

Perlaksanaan KESBAN dianggap berjaya sejajar dengan prinsip pertahanan berdikari *self-reliance* yang telah membuktikan kerajaan Malaysia mampu berdiri dengan sendirinya tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak luar. Hal ini kerana di dalam tempoh tahun 1970 sehingga tahun 1986 telah menyaksikan kejayaan ATM dalam memerangi pengganas komunis sehingga berakhir dengan gencatan senjata secara rasminya oleh pihak Parti Komunis Malaya (PKM) pada tahun 1989 dan seterusnya menamatkan rentetan episod duka dan berdarah yang terpacat di dalam sejarah dan minda masyarakat Malaysia yang hidup pada zaman tersebut. (Abdul Rahman, 1997). Lanjutan daripada peristiwa tersebut, strategi KESBAN telah ditukar kepada strategi baharu iaitu Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) dan kekal sehingga ke hari ini. Walaupun bertukar corak strategi, namun KESBAN dan HANRUH tetap digunakan sebagai wadah kemajuan pertahanan negara yang melibatkan pelbagai pihak samada daripada angkatan tentera mahupun rakyat biasa. Perlaksanaan HANRUH seperti yang ditegaskan oleh Mohd Zackry (2006), menekankan modal insan yang berkualiti, keutuhan ekonomi, kesepaduan dalam tindakan agensi kerajaan dalam mengukuhkan hubungan serantau dan antarabangsa demi memastikan kedaulatan negara terpelihara sepanjang masa.

Seperti yang dinyatakan di dalam sejarah penubuhan HANRUH, ianya termaktub di dalam DPN sebagai salah satu prinsip penting pertahanan sejak daripada penubuhannya pada tahun 1970 sehingga tahun 1986 diiktiraf sebagai dokumen rasmi dasar kerajaan Malaysia. Selanjutnya, proses penambahbaikan DPN melalui industri pertahanan serta pengukuhan ATM giat dijalankan memandangkan negara pada waktu ketika itu dilanda ancaman serangan pengganas komunis. (Md Zaki, 2005). Sekitar tahun 1981 sehingga tahun 1993, beberapa kali percubaan dilakukan kerajaan Malaysia untuk mewujudkan satu dokumen KPP yang komprehensif untuk menjadi panduan kepada hala tuju pertahanan negara.

HANRUH: Daripada DPN kepada KPP

Menurut Abdul Rahman Adam (1997), permulaan kepada kertas cadangan pembentukan Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah bermula sejak tahun 1981 dan telah dibentangkan pada tahun 1986 namun ditolak oleh kabinet. Usaha tersebut juga sekali lagi gagal apabila dibentangkan pada tahun 1993 setelah diarahkan untuk dijalankan kajian dan penilaian KPP tersebut. (Abdul Rahman, 1997). Lantaran itu, DPN kekal menjadi sebagai panduan polisi kerajaan serta dipantau oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang berkehendakkan kertas cadangan KPP menjadi rujukan buat DPN. Ianya melalui proses penambahbaikan serta penyuntingan terhadap dasar kerajaan berkaitan dengan pertahanan negara sehingga wujudnya dokumen DPN terbuka yang diterbitkan pada tahun 2010. (Kementerian Pertahanan, 2010).

Lanjutan daripada itu, pada tahun 2018 dan 2019, kerajaan Malaysia telah melakukan pembaharuan di dalam mengemaskini kertas cadangan KPP dengan mengalu-alukan sumbangan daripada rakyat, ahli akademik, agensi kerajaan mahupun swasta, pihak industri pertahanan, organisasi bukan kerajaan dan lain-lain untuk turut sama memberikan pandangan terhadap isi kandungan KPP. (Sumber:

Bernama). Maka, pada pengakhiran tahun 2019, kerajaan Malaysia telah berjaya buat pertama kalinya membentuk KPP yang bersifat inklusif dan terbuka serta boleh diakses oleh rakyat pada bila-bila masa tanpa mengandungi sebarang maklumat rahsia. Kerterbukaan KPP juga bertujuan untuk menyedarkan rakyat bahawa hal keselamatan negara merupakan perkara yang penting dan tidak boleh dipandang ringan walau apa jua keadaan sekalipun. (Kementerian Pertahanan, 2019). Ianya sama sekali tidak berbeza dengan hala tuju DPN sebelum ini dan masih mengekalkan dasar sedia ada dengan beberapa penambahan bagi menguatkan aset pertahanan negara. Perkara yang membezakan antara kedua-dua dasar tersebut ialah perlaksanaan dasar secara terperingkat dan bersifat rahsia terhadap beberapa elemen-elemen pertahanan yang difikirkan sulit untuk dihebahkan kepada umum seperti yang termaktub di dalam DPN.

KPP merupakan dokumen strategik hala tuju pertahanan negara Malaysia yang mempunyai misi dan visi yang tersendiri dalam mendepani arus cabaran globalisasi yang bersifat kompleks. Moto KPP ialah *“Malaysia yang selamat, berdaulat dan makmur”* yang menunjukkan kesungguhan dan komitmen kerajaan melalui Kementerian Pertahanan dalam memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara serta rakyat hidup secara aman dan harmoni. Terdapat tiga tujuan utama pembentukan dan keperluan KPP terhadap pertahanan negara iaitu:

1. Melibatkan rakyat dan pihak yang berkepentingan;
2. Menilai perspektif strategik negara yang sentiasa berubah;
3. Dan meneroka pendekatan bagi meningkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara.

Tiga tujuan utama yang dinyatakan di atas merupakan ringkasan gambaran keseluruhan KPP yang komprehensif. Terdapat tiga bahagian di dalam KPP yang mengandungi lapan bab secara keseluruhan. Ianya diilustrasikan oleh penulis melalui jadual di bawah:

Jadual 1: Ringkasan Bab dan Bahagian di dalam KPP. (Sumber: Kementerian Pertahanan, 2019).

Bahagian Satu (Visi)	Bahagian Dua (Strategi)	Bahagian Tiga (Pelaksanaan)
Bab 1: Pengenalan	Bab 3: Strategi Pertahanan	Bab 7: Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan
Bab 2: Perspektif Strategik	Bab 4: Angkatan Masa Hadapan	Bab 8: Reformasi, Tadbir Urus dan Pembiayaan
	Bab 5: Warga Pertahanan	
	Bab 6: Hubungan Pertahanan Antarabangsa	

Agak menarik jika dilihat terdapat satu bab khusus di dalam isi kandungan KPP iaitu bab kelima bertajuk ‘Warga Pertahanan’ yang menekankan penglibatan keseluruhan masyarakat awam dalam berganding bahu mempertahankan kedaulatan dan keselamatan tanah air. Hal ini membuktikan bahawa kerajaan melalui dasar dan polisi yang ditetapkan menjunjung prinsip-prinsip demokrasi di mana peranan dan suara rakyat diambil kira demi keutuhan pertahanan negara. Menurut Zawawi Adam (2021), peranan rakyat di dalam sistem pertahanan negara telah berlaku sejak lama dahulu dengan seperti kewujudan pasukan sukarela pertama di Tanah Melayu dikenali dengan nama *Penang Volunteers*, penubuhan pasukan *Home Guard* untuk menangani darurat kali pertama (1948-1960) dan kedua (1968-1989) serta peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) yang dianggap sebagai usaha murni rakyat dalam membantu ATM memperkasakan kedaulatan negara. Di samping itu, intipati KPP juga menegaskan penglibatan rakyat di dalam HANRUH merupakan manifestasi baharu yang lebih bersifat moden dan terkehadapan jika dibandingkan dengan strategi HANRUH di dalam DPN. (Nurul Huda, 2019). Seperti sedia maklum sebelum ini, kekaburan strategi HANRUH di dalam DPN telah menggalakkan usaha kerajaan bagi mewujudkan KPP sebagai wadah penglibatan masyarakat secara tersusun dan memahami tanggungjawab dan peranan mereka sebagai salah satu daripada warga pertahanan. Warga pertahanan yang terbahagi kepada dua iaitu

‘rakyat’ dan ‘warga kerja pertahanan’ disifatkan sebagai unsur teras kepada ‘pertahanan yang komprehensif’ di dalam strategi HANRUH.

Rakyat di dalam strategi HANRUH diklasifikasikan sebagai masyarakat awam terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, kaum, etnik, penjawat awam, penjawat swasta, organisasi bukan kerajaan dan lain-lain. Manakala warga kerja pertahanan ialah mereka yang terlibat secara langsung di dalam sistem pertahanan negara seperti angkatan tetap di dalam ATM yang terdiri daripada Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Turut terlibat adalah angkatan sukarela seperti Askar Wataniah (AW), warga veteran ATM dan juga kakitangan awam di dalam kementerian pertahanan. (Kementerian Pertahanan, 2019).

Sebagai tonggak utama pertahanan negara, peranan ATM sentiasa ditagih demi menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kedaulatan dan pertahanan negara. Pelbagai inisiatif dan galakan diberikan terhadap penambahbaikan perkhidmatan yang berkategori ‘Angkatan Tetap’ yang termaktub di dalam KPP. Ini bermaksud bahawa dasar yang dinyatakan di dalam KPP bukan hanya mengembeleng dan mengerah tenaga ATM semata-mata, tetapi faktor penambahbaikan terhadap pembangunan modal insan tetap diutamakan memandangkan ianya boleh mempengaruhi aspek emosi, mental dan fizikal dalam kalangan anggota ATM. Pemberian inisiatif seperti gaji, elaun, insentif khas, kemudahan kesihatan, kemudahan perumahan merupakan ganjaran berharga terhadap ATM yang mempertahankan kedaulatan negara. Di samping itu, ATM juga menekankan tentang pembangunan kerjaya di dalam kalangan anggota dengan memperuntukkan dana untuk kesinambungan pembelajaran. Ianya selari dengan matlamat ATM untuk menghasilkan ‘angkatan yang berpengetahuan tinggi’ dengan menerapkan elemen ‘knowledge force’ serta menambahbaik konsep ‘bina, latih dan kekal (*raise, train and maintain*)’ sebagai menguatkan prinsip pertahanan komprehensif. (Kementerian Pertahanan, 2019).

Perbincangan berkenaan rakyat sebagai tonggak kedua pertahanan negara merupakan pelengkap kepada pengukuhan prinsip pertahanan komprehensif yang di mana wujud kolaborasi antara rakyat dan warga kerja pertahanan dalam mempertahankan tanah air. Ianya juga membuktikan bahawa prinsip pertahanan komprehensif menyokong pelaksanaan strategi HANRUH yang merangkumi keseluruhan aspek kenegaraan samada bersifat spiritual, fizikal mahupun material. Secara dasarnya, strategi HANRUH yang mempunyai lima prinsip seperti di dalam rajah berikut:



Rajah 1: Prinsip-Prinsip HANRUH. (Sumber: Ilustrasi Penulis).

Kelima-lima prinsip yang dipersembahkan melibatkan skop perbincangan yang agak meluas bersesuaian dengan terma yang diguna pakai iaitu ‘menyeluruh’ dalam merangkumi keseluruhan aset negara samada secara fizikal mahupun spiritual. Ianya menurut hemat dan pandangan kerajaan sudah cukup memenuhi

keperluan pertahanan negara sebagai persediaan awal terhadap sebarang ancaman yang boleh berlaku pada masa hadapan. Jika dilihat daripada lima prinsip yang dinyatakan, prinsip kedua (penyatuan dan perpaduan masyarakat) dan ketiga (kesiapsiagaan awam) menepati ciri-ciri yang menggalakkan keterlibatan rakyat di dalam strategi HANRUH. Ianya merupakan usaha bersepadu seluruh rakyat dalam memantapkan sistem pertahanan negara seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Pendekatan SCMR di dalam Dasar HANRUH: Sejauh Manakah Keberkesanannya Terhadap Rakyat?

Seperti yang dinyatakan sebelum ini tentang kejayaan kerajaan Malaysia dalam membasmi pengganas komunis suatu ketika dahulu adalah merupakan hasil dan impak yang wujud di dalam penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) selepas peristiwa 13 Mei 1969 serta pelaksanaan KESBAN pada tahun 1970 yang turut mengukuhkan lagi hubungan SCMR di Malaysia. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah penubuhan MAGERAN dan KESBAN membuktikan keutuhan SCMR di Malaysia? Apakah kaedah yang digunakan dalam mewujudkan komunikasi yang baik antara pihak awam dan tentera dalam menghapuskan pengganas komunis? Mengikut fakta sejarah, strategi KESBAN yang digunakan oleh kerajaan pada waktu itu adalah dengan melaksanakan pembangunan masyarakat dan pembangunan keselamatan khusus kepada masyarakat luar bandar kerana pihak komunis menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat gerakan dan operasi. (Ridzuan Hashim et al., 2020).

Seterusnya kerajaan juga membuat satu rancangan yang dikenali sebagai 'Rancangan Brigg' atau '*Brigg's Plan*' dengan mewujudkan kampung-kampung baru sebagai strategi untuk memisahkan identiti masyarakat dengan pengganas komunis dan dalam masa yang sama juga ianya sebagai kawasan penempatan yang lebih terjamin keselamatannya serta dapat menjana ekonomi rakyat. Hal yang demikian secara tidak langsung mempengaruhi rakyat untuk meyakini dan menyokong kerajaan atas bantuan yang diberikan sejajar dengan dua tujuan KESBAN iaitu keselamatan dan pembangunan. Lantaran itu, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menambah baik strategi KESBAN sehingga pada akhirnya membawa kepada penubuhan strategi baharu iaitu HANRUH yang juga memiliki tujuan dan matlamat yang sama untuk mengembeleng usaha daripada pihak kerajaan, angkatan tentera dan rakyat dalam memastikan keselamatan negara terpelihara.

Lantaran itu, HANRUH melalui pendekatan SCMR sangat menekankan penglibatan masyarakat awam, sektor swasta serta badan bukan kerajaan dalam mempertahankan kedaulatan tanah air. Kerajaan mengharapkan pelaksanaan HANRUH ini mendapat sokongan komitmen daripada rakyat dan seterusnya dapat membantu pihak anggota keselamatan seperti ATM dalam jangka masa yang panjang dan sentiasa berterusan dalam memastikan tidak wujud sebarang ancaman yang berbahaya terhadap keselamatan negara. (Hamzah, 2006). Maka, kerajaan melalui pendekatan SCMR yang diterjemahkan di dalam KPP, telah mengusulkan tiga komponen bagi memantapkan usaha dan keterlibatan rakyat terhadap strategi HANRUH seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 2: Usul Komponen Memantapkan Keterlibatan Rakyat di dalam HANRUH. (Sumber: Ilustrasi Penulis).

Ketiga-ketiga usul komponen yang dinyatakan di atas mempunyai peranan masing-masing untuk memantapkan pelaksanaan HANRUH dan dapat difahami melalui penjelasan seperti di bawah:

1. Pihak Berkuasa Awam – bertanggungjawab untuk menyediakan pelbagai fasiliti atau kemudahan seperti pengangkutan, logistik, komunikasi, bekalan kecemasan dan lain-lain demi kelangsungan hidup rakyat.
2. Pihak Swasta – memainkan peranan dalam memberikan sokongan terhadap kerajaan seperti menyediakan kepakaran dan perkhidmatan dalam bidang tertentu. Mereka juga wajar memberikan sokongan dan galakan kepada pekerja mereka untuk menyertai angkatan sukarela (AW) bagi menyahut seruan kerajaan dalam pelaksanaan HANRUH.
3. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) – boleh memberikan sumbangan kepada negara dengan menganjurkan kempen kesedaran tentang pertahanan dan keselamatan negara di samping perlu aktif terlibat di dalam persediaan menghadapi sebarang kecemasan dan darurat pada masa hadapan. (Kementerian Pertahanan, 2019).

Kerajaan melalui pendekatan SCMR juga turut melaksanakan usaha secara kolektif dan bersepadu dalam memastikan proses pelaksanaan HANRUH menjadi kenyataan melalui perencanaan program-program berikut di antaranya:

1. Memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) terhadap pelajar yang telah menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
2. Menggalakkan pelajar ijazah tinggi di pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berminat menjadi pegawai anggota sukarela supaya terlibat di dalam Pasukan Pegawai Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES). (Fazurawati, 2018).
3. Menyemai semangat patriotisme cintakan negara dalam kalangan rakyat dengan menggalakkan mereka terlibat sebagai anggota sukarela di dalam Rejimen Askar Wataniah (AW).
4. Membuka peluang kepada rakyat untuk menyertai Angkatan Sukarela Pertahanan Awam (ASPA) sebagai salah satu kaedah pelunasan tanggungjawab (*civic duty*) dalam memelihara kebajikan rakyat awam. (Norhafifi, 2021).
5. Menubuhkan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sebagai satu organisasi yang menjaga keselamatan setempat.

Melalui usul dan program-program yang dinyatakan di atas, pendekatan SCMR dalam merencana dasar HANRUH sudah terbukti wujud dan terdapat beberapa matlamat dan objektif yang ingin dicapai. Cuma terpulang kepada rakyat untuk menentukan komitmen dan peranan masing-masing dalam menggalas tanggungjawab sebagai warganegara yang cintakan tanah air. Jika tidak mencapai sasaran dan objektif yang dikehendaki, sememangnya wujud permasalahan tertentu yang membantutkan usaha pelaksanaan HANRUH. Di antaranya ialah konsep HANRUH tidak diketahui secara umum oleh sebahagian dalam kalangan rakyat Malaysia dan malah lebih teruk lagi ada yang langsung tidak tahu menahu tentang konsep tersebut. Hal yang demikian kerana perlaksanaannya masih dikira sebagai kabur dan tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat awam. Menurut Mohamad Faisol Keling et al. (2016), daripada segi aplikasi, strategi HANRUH ini hanya diketahui oleh golongan tentera sahaja dan terhad kepada beberapa agensi kerajaan. Masyarakat awam dan organisasi swasta tidak mengetahui HANRUH secara mendalam tentang keterlibatan mereka dalam pertahanan negara.

Perkara ini menurut hemat Ahmad Nadzri (2021) merupakan satu kekurangan daripada sudut aspek hebahan dan promosi yang wajar diambil perhatian secara serius oleh agensi-agensi kerajaan memandangkan konsep HANRUH ini memerlukan penglibatan semua warganegara Malaysia. Logikanya sebagai contoh, jika seorang individu yang melakukan kerja-kerja amal untuk membantu orang yang susah dan memerlukan bantuan pihak lain untuk turut sama membantu, maka dia perlu menguatkan strategi dalam mempromosi kerja-kerja amal beliau supaya orang lain yakin dan akhirnya akan turut melakukan amal kebajikan bersama-sama. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu bertindak secara rasional untuk menjadikan konsep HANRUH lebih mendapat tempat di dalam hati masyarakat awam seterusnya menjadi satu contoh sistem pertahanan terbaik kepada negara luar.

Jelas sekali bahawa pendekatan SCMR di dalam sebuah negara akan turut memberikan kesan yang baik terhadap rakyat di dalamnya. Perkara tersebut menjadi perkara asas untuk membina keyakinan dan persepsi rakyat awam biasa terhadap angkatan tentera. (Afdal Izal, 2013). Di dalam polisi HANRUH misalnya menekankan keterlibatan semua rakyat Malaysia dalam pelbagai sektor dan agensi samada kerajaan atau swasta untuk berganding bahu mempertahankan kedaulatan dan keselamatan tanah air. Jika keretakan hubungan berlaku di dalam SCMR sehingga membawa kepada perpecahan, adakah rakyat merasa yakin dan akan bangkit untuk membantu kerajaan dan tentera dalam merealisasikan HANRUH? Sudah tentu secara logik jawapannya adalah tidak, kerana berdasarkan kepada persepsi rakyat yang hidup

di dalam sistem demokrasi kebiasaannya menganggap kerajaan dan tentera sebagai penyelamat dan pelindung bagi mereka. Berlainan dengan rakyat di dalam sistem ideologi politik lain yang dibelenggu hak dan kebebasan mereka oleh kerajaan dan tentera seperti yang wujud dalam sistem komunisme.

Dalam hal ini, seperti yang ditegaskan oleh Janowitz (1960) sebelum ini berkenaan dengan penerapan 'nilai kemasyarakatan' yang tidak boleh dipisahkan hatta dengan kehidupan ketenteraan sekalipun. Meskipun tidak dinafikan bahawa organisasi ketenteraan mempunyai budaya mereka tersendiri yang jauh berbeza dengan kehidupan rakyat awam biasa daripada segi pentadbiran, disiplin dalam latihan, pakaian beruniform dan lain-lain, tetapi untuk memisahkan mereka dengan prinsip asas kemasyarakatan adalah suatu perkara yang tidak boleh diterima sama sekali dalam kehidupan bernegara. Beliau menegaskan lagi bahawa organisasi ketenteraan semestinya memberi refleksi pada perkara yang positif kepada rakyat awam yang menyanjung tinggi organisasi ketenteraan sebagai 'pelindung negara' dan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi rakyat untuk terlibat dalam sistem pertahanan negara pada masa akan datang.

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan menerusi dimensi wacana politik kenegaraan bahawa tampuk pemerintahan politik di dalam sesebuah negara akan sentiasa berubah dan akan bertukar hasil daripada undian rakyat di dalam pilihan raya umum. Namun persoalan yang timbul di sini ialah bagaimanakah untuk memastikan polisi SCMR dan segala dasar berkaitan pertahanan negara sentiasa kekal, statik dan tidak berubah demi kestabilan dan keamanan sesebuah negara? Adakah terdapat kemungkinan jika sesuatu kerajaan berubah, maka segala dasar dan polisi berkaitan pertahanan akan turut berubah? Segala persoalan yang berbangkit perlu diberi perhatian secara mendalam kerana faktor perubahan tampuk pemerintahan kerajaan akan mempengaruhi SCMR serta kedudukan rakyat sebagai warganegara yang patuh kepada arahan dan tuntutan kerajaan. Hal yang demikian turut memberi kesan terhadap pelaksanaan HANRUH di mana pada hakikatnya rakyat agak keliru dengan peranan sebenar mereka apabila khidmat mereka diperlukan pada waktu ketika ancaman dan darurat berlaku di dalam negara.

Memang tidak dapat dinafikan '*civic duty*' yang dipersembahkan oleh warganegara merupakan lumrah kebiasaan manusia yang hidup di dalam sebuah negara. Pada asalnya '*civic duty*' yang dimaksudkan adalah pelunasan hak dan tanggungjawab warganegara terhadap negara – seperti mengundi, membayar cukai, mematuhi undang-undang dan sebagainya – yang dilakukan dalam keadaan aman dan damai tanpa sebarang konflik dan kacau bilau. Jika negara berada dalam keadaan darurat akibat ancaman pihak musuh, adakah rakyat mampu melaksanakan kerangka '*civic duty*' sama seperti mereka lakukan dalam keadaan waktu aman? Kerana mempertahankan kedaulatan negara juga merupakan salah satu daripada kerangka '*civic duty*' yang pada dasarnya boleh dilaksanakan pada ketika waktu aman mahupun ketika waktu darurat. (Mohd Kamarul Amree et al., 2021). Oleh yang demikian, keperluan kepada dasar dan polisi berkaitan pertahanan negara yang bersifat konkrit dan mampan merupakan perkara yang wajib dilakukan oleh pihak kerajaan demi keamanan dan kestabilan negara.

Peranan dan tugas ketiga-tiga organisasi (kerajaan, tentera dan rakyat) adalah bertepatan dengan hujah yang dikemukakan oleh Janowitz (1960) sebelum ini yang menekankan bahawa tentera dan rakyat tidak boleh dipisahkan di antara keduanya kerana tentera memberikan harapan yang baik kepada rakyat sebagai pelindung dan penyelamat. Manakala rakyat secara timbal balik akan dapat memahami dengan sebaiknya dengan segala apa yang berlaku di dalam dunia ketenteraan, sehingga pada akhirnya akan dapat menerima perkara tersebut dengan hati yang terbuka. Perkara yang sama turut dipersetujui oleh Schiff (2009) di mana beliau menegaskan bahawa penglibatan rakyat di dalam sistem pertahanan negara adalah satu keperluan utama bagi mengimbangi hubungan SCMR di dalam sebuah negara di samping menawarkan diri untuk mempertahankan tanah air apabila khidmat mereka diperlukan. Yang terakhir, Micewski (2006) berpendapat bahawa kewujudan rakyat di dalam sistem pertahanan negara adalah amat penting dan bukan suatu perkara terpencil yang dianggap remeh serta tidak bermanfaat. Hal yang demikian kerana pada dasarnya rakyat dan tentera berasal daripada satu sistem sosial yang sama serta saling memerlukan antara satu sama lain.

Walaubagaimanapun, pengamatan terhadap usul yang dinyatakan bukan sekadar di atas kertas semata-mata tanpa ada usaha untuk melaksanakannya, tetapi ianya memerlukan beberapa inisiatif yang bersifat tegas berupa pengorbanan, kesepaduan nasional, usaha berterusan dan sokongan keseluruhan rakyat yang seharusnya memiliki jiwa kenegaraan yang sangat tinggi. Tanpa inisiatif yang dinyatakan serta tidak ada sebarang kemajuan dan pembaharuan dalam perlaksanaannya, maka negara Malaysia akan mengalami kejatuhan dan terdedah kepada pelbagai ancaman daripada pihak musuh yang sentiasa

mengambil kesempatan di atas kelemahan tersebut. Usaha pengembelengan terhadap penyertaan rakyat di dalam HANRUH wajar diperkasakan melalui beberapa penambahbaikan memandang terdapat sebahagian rakyat Malaysia yang memiliki jiwa kenegaraan dan semangat patriotik yang tinggi yang sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan tanah air. Diharapkan dengan inisiatif tersebut dapat juga mempengaruhi sebahagian rakyat lain yang kurang bersemangat serta tidak tinggi nilai patriotisme di dalam diri mereka untuk turut bersama-sama berganding bahu mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta.

Kesimpulan

Pelaksanaan konsep HANRUH merupakan salah satu prinsip penting yang terdapat di dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan seterusnya diperkemas perancangan serta pelaksanaannya di dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) Malaysia yang baharu. Pelaksanaan HANRUH pada dasarnya tidak lari daripada perbincangan tentang teori keutuhan hubungan awam-tentera (SCMR) yang meliputi perancangan dasar dan polisi berkaitan sistem pertahanan negara yang turut merangkumi soal penglibatan rakyat awam di dalamnya. Peranan awam dan tentera dianggap penting dan saling kebergantungan antara kedua-duanya dapat menjamin kestabilan dan keamanan negara. Hal yang demikian dapat dilihat daripada sejarah lalu yang telah membuktikan keupayaan rakyat awam dalam berjuang mempertahankan negara atas semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi. Usaha dan sumbangan generasi terdahulu dalam mempertahankan negara tetap dijulang sebagai perwira seterusnya memberikan inspirasi kepada generasi masa kini tentang kepentingan berkhidmat untuk negara secara sukarela apabila diperlukan. Justeru, HANRUH bukanlah konsep retorik semata-mata, ianya merupakan manifestasi pendekatan dan usaha SCMR dalam menyediakan pelbagai peluang bagi menuntut keterlibatan dan sokongan daripada rakyat yang wajib berkhidmat untuk negara apabila diperlukan, samada ketika di dalam keadaan aman mahupun ketika negara dilanda ancaman yang merbahaya seperti peperangan dan sebagainya.

Rujukan

- Aaron X. Fellmeth & Maurice Horwitz. (2009). *Guide to Latin in International Law*. Oxford: Oxford University Press.
- Abdul Rahman Adam. (1997). *Keselamatan dan Kepentingan Nasional*. Bangi: Penerbit UKM.
- Afdal Izal Md Hashim. (2013). *Civil-Military Relations in Malaysia: The Armed Forces in A Democratic Government*. Tesis sarjana. Korean Defence Institute. 21.
- Ahmad Azan Ridzuan, Zamri Ismail & Juraimy Abdul Kadir. (2014). Managing Civil-Military Relations in Counter Insurgency Operations: A Review of the Malaysian Experiences. *Jurnal ZULFAQAR UPNM*, 1, 31-32.
- Ahmad Nadzri Mohd Hassan (Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertahanan Malaysia). (2021). Dalam temubual dengan penulis. 26 Ogos.
- Aurel Croissant, David Kuehn & Philip Lorenz. (2012). *Breaking with the Past? Civil-Military Relations in the Emerging Democracies of East Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Azman Ayob. (2009). Good Civil-Military Relations in Malaysia: Contributory Factors. *Journal of Media and Information Warfare UiTM*, 2, 63-64.
- Berita Bernama. (2019). Beberapa Cadangan Kertas Putih Pertahanan Dipersetujui PM – Panglima ATM. [Online]: <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1731460> (akses 23 Januari 2020).
- Bradley R. Simpson. (2013). Southeast Asia in the Cold War. Dalam Robert J. McMahon (Eds.), *The Cold War in the Third World (53-56)*. Oxford: Oxford University Press.
- Chandran Jeshurun. (1980). *Malaysia Defence Policy: A Study in Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Claude Welch. (1976). *Civilian Control of the Military: Theory and Cases from Developing Countries*. New York: University of New York Press.
- Douglas Porch. (2006). Strategy Formulation and National Defense: Peace, War and the Past as Prologue. Dalam Thomas C. Bruneau dan Scott D. Tollefson (Eds.), *Who Guards the Guardians and How: Democratic Civil-Military Relations (101-122)*. Austin: University of Texas Press.
- Edwin R. Micewski. (2006). Conscription or the All-Volunteer Force: Recruitment in a Democratic Society. Dalam Thomas C. Bruneau dan Scott D. Tollefson (Eds.), *Who Guards the Guardians and How: Democratic Civil-Military Relations (209-221)*. Austin: University of Texas Press.
- Fazurawati Che Lah. (2018). PALAPES Bentuk Jati Diri. Harian Metro, 5 November.
- Hamzah H.A. (2006). Pembangunan Pertahanan Malaysia: Satu Pendekatan Menyeluruh (10-11). Majalah *Perajurit*. Kuala Lumpur. Disember.
- K.S Nathan. (2008). *Malaysia: Reinventing the Nation in isan Security Practice: Material and Ideational Influence*. California: Stanford University Press.
- Karl Von Clausewitz. (1976). *On War*. Michael Howard & Peter Paret (Terj.). New Jersey: Princeton University Press.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2010). *Dasar Pertahanan Negara*. Kuala Lumpur: Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2019). *Kertas Putih Pertahanan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Md Zaki Md Zain (2005). Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan Hala Tuju Pembangunan Pertahanan Negara (8-9). Majalah *Perajurit*. Mei.
- Mejar Jeneral Dato' Haji Zawawi Haji Adam (Assisten Panglima Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat, Kementerian Pertahanan Malaysia). (2021). Dalam temubual dengan penulis. 8 Ogos.
- Mohamad Faisol Keling, Ahmad Shah Pakeer Mohamed & Md Shukri Suhib. (2016). Dasar Pertahanan Negara Malaysia: Adakah ianya Kukuh? *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia*, 1(1), 115-16.
- Mohamad Faisol Keling, Mohamad Hanapi Mohamad, & Mohamed Fajil Abdul Batau. (2016). Faktor Dan Proses Pembangunan Dasar Pertahanan Negara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 35-37.
- Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam, Mohamad Zaidi Abdul Rahman, Bharuddin Che Pa. (2021). Penyertaan Rakyat Secara Kolektif di dalam Sistem Pertahanan Negara Menurut Teori Logik Rasional dan Teori Logik Ekspresif. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48 (2), 2.
- Mohd Zackry Mokhtar. (2006). Total Defence: Usaha Kolektif Memperkasa Pertahanan Negara (38-40). Majalah *Perajurit*. Kuala Lumpur. Jun.
- Morris Janowitz. (1960). *The Professional Soldier: A Social and Political Portrait*. Illinois: Free Press.
- Muhamad Ridzuan Hashim, Mohamad Faisol Keling & Nazariah Osman. (2020). Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di Dalam Sistem Pertahanan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 45.
- Nasibah Harun. (2002). *Dasar Pertahanan Menyeluruh (6)*. Majalah *Perajurit*. Julai.
- Nurul Huda Husain. (2019). KPP akan Realisasikan Konsep HANRUH. Sinar Harian. 24 Oktober.
- Pj. (PA) Dr. Haji Norhafifi Haji Ismail (Timbalan Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM). (2021). Dalam temubual dengan penulis. 10 September.

- R. Clutterbuck. (1990). *Conflict and Violence in Singapore dan Malaysia 1945-1983*. Singapore: Graham Brash Pte_Ltd.
- Rebecca L. Schiff. (2009). *The Military and Domestic Politics: A Concordance Theory of Civil-Military Relations*. London: Routledge Publication.
- Rodziah Md Zin, Mohd Kamarulnizam Abdullah & Mohamad Faisol Keling. (2019). Evolusi Dasar Pertahanan Malaysia dalam Era Tun Mahathir Mohamad (1981-2003). *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 15.
- Samuel P. Huntington. (1985). *The Soldier and The State: The Theory and Politics of Civil-Military Relations*. Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Sun Tzu. (1963). *The Art of War*. Samuel B. Griffith (Terj.). London: Oxford University Press.